



**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI**  
**MALAYSIA**

(Bagi Minggu 35/2018 dari 26 Ogos hingga 1 September 2018)

Pada minggu ke-35 iaitu bagi tempoh 26 Ogos hingga 1 September 2018, sejumlah 1,583 kes Denggi telah dilaporkan diseluruh negara, iaitu jumlah kes yang sama dilaporkan pada minggu sebelumnya. Bermula dari Januari hingga 1 September 2018 sejumlah 49,710 kes Denggi dilaporkan di seluruh negara manakala jumlah kumulatif kematian Denggi adalah sebanyak 77 kematian.

Tiada kes Chikungunya dilaporkan pada minggu ke-35. Sehubungan itu, jumlah kumulatif kes Chikungunya bermula dari Januari hingga 1 September 2018 adalah kekal sebanyak 72 kes iaitu 29 kes di Daerah Pasir Puteh, 28 kes di Daerah Tumpat, enam (6) kes di Daerah Kota Bharu, dua (2) kes di Daerah Kuala Muda, manakala masing-masing satu (1) kes di daerah Sik, Meradong, Machang, Kangar, Sepang, Penampang dan Baling.

Bagi penyakit Zika, berdasarkan pemantauan yang dijalankan oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) didapati 2097 sampel darah dan 11 sampel urin pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah negatif.

Pencegahan penyakit demam Denggi adalah tanggungjawab semua. Langkah-langkah pencegahan denggi perlu dipertingkatkan dengan penglibatan aktif dan kerjasama semua agensi, jabatan dan masyarakat setempat. Bagi mengatasi masalah Denggi, aspek kebersihan persekitaran perlu diberi fokus utama. Penglibatan individu, komuniti dan semua agensi dalam memastikan persekitaran yang bersih serta bebas dari tempat pembiakan Aedes adalah sangat penting. Luangkan hanya 10 minit seminggu, pastikan semua takungan air jernih yang tidak digunakan dip persekitaran masing-masing dimusnahkan. Bagi takungan air kekal hendaklah sentiasa ditutup atau diletakkan ubat pembunuh jentik-jentik serta diperiksa seminggu sekali. **Tiada Aedes, Tiada Denggi, Chikungunya dan Zika.**



**DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

**7 September 2018**

## Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 35/2018  
(26 Ogos hingga 1 September 2018)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 35/2018		Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 35/2017	
		Minggu 35 (26 Ogos – 1 September 2018)		Minggu 34 (19 – 25 Ogos 2018)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	4	0	2	0	175	0	143	0
2	Kedah	35	0	33	0	1359	5	1148	4
3	P. Pinang	112	0	123	0	3316	5	1751	13
4	Perak	38	0	37	0	1987	5	4666	9
5	Selangor	913	0	904	0	28366	21	35948	55
6	WP KL & Putrajaya	148	0	184	0	4737	6	6743	19
7	N. Sembilan	32	0	39	0	986	1	2588	11
8	Melaka	13	0	10	0	403	0	1052	1
9	Johor	111	1	110	0	3857	12	5767	21
10	Pahang	13	0	7	0	621	2	1268	2
11	Terengganu	13	0	9	0	255	2	224	1
12	Kelantan	61	0	47	0	997	2	2141	2
13	Sarawak	16	0	16	0	383	1	726	4
14	Sabah	72	0	60	0	2182	15	1466	6
15	WP Labuan	2	0	2	0	86	0	52	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>1583</b>	<b>1</b>	<b>1583</b>	<b>0</b>	<b>49710</b>	<b>77</b>	<b>65683</b>	<b>148</b>

